

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN  
(PETALING JAYA SELATAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.05.2015**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. peranan individu Jho Low dalam Syarikat 1MDB ; dan
- b. jumlah hutang terkini Syarikat 1MDB dan penyelesaiannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Encik Low Taek Jho tidak pernah bekerja di 1MDB atau bermiaga dengan 1MDB. Semua keputusan dan urus niaga 1MDB dibuat oleh

pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB.

Jumlah hutang 1MDB pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 adalah sebanyak RM42 bilion.

Seperti mana umum sedia maklum, 1MDB pada 18 Februari 2015 telah menjelaskan hala tuju syarikat tersebut ketika mengumumkan keputusan kajian strategik mereka. Di antara perkara penting yang diumumkan oleh 1MDB ialah 1MDB tidak akan menjalankan sebarang pelaburan atau projek baharu dan telah menyusun strategi yang jelas untuk setiap sektor perniagaannya supaya terus maju dan mampan.

Hasil daripada kajian strategik itu juga, 1MDB berpendapat bahawa struktur modal berdasarkan hutang (*debt financed capital structure*) yang dipraktikkan selama ini tidak lagi sesuai untuk syarikat tersebut. 1MDB telah memberikan jaminan bahawa syarikat tersebut akan memastikan setiap entitinya berada dalam posisi yang baik untuk membayar hutang-hutang dan *infrastructure obligations*.

1MDB akan melaksanakan strategi ini dalam jangka masa 12 bulan yang akan datang dan telah memberi komitmen untuk mengumumkan tindakan-tindakan yang diambil oleh syarikat dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN M.KULASEGARAN  
[IPOH BARAT]**

**TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

**SOALAN : 55**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan maklumat lanjut tentang nama anggota dan lawatan yang telah dibuat oleh pihak berkuasa ke Eropah berkaitan tragedi MH17 dan berikan pecahan kos yang terlibat bagi setiap perjalanan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat lanjut tentang nama anggota dan lawatan yang telah dibuat oleh pihak berkuasa ke Eropah berkaitan tragedi MH17 dan pecahan kos yang terlibat bagi setiap perjalanan adalah seperti berikut:

(1) Kementerian Pengangkutan (MOT)

Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan, Y.B. Datuk Abd. Aziz Kaprawi, Timbalan Menteri Pengangkutan, Y.Bhg. Datuk Seri Long See Wool, Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Y.Bhg. Dato' Azharuddin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) bersama beberapa orang pegawai kanan dan pegawai penyiasat, telah mengadakan lawatan ke negara-negara seperti berikut:

- (i) Kiev, Ukraine pada 19 Julai 2014 dan Hague, Belanda pada 22 hingga 24 Julai 2014 bagi mengadakan perbincangan berhubung tragedi MH17 dengan pihak berkuasa di kedua-dua negara tersebut dengan kos sebanyak RM99,167.33; dan
- (ii) Amerika Syarikat dan Kanada bertujuan untuk mengadakan lawatan kerja ke Amerika Syarikat dan menghadiri Sesi Ke-203 Majlis *International Civil Aviation Organization* (ICAO) di Kanada pada 25 hingga 27 Oktober 2014 bagi membincangkan nahas udara pesawat MH370 dan MH17

serta isu-isu berkaitan keselamatan penerbangan awam dengan kos sebanyak RM497,701.68.

(2) Kementerian Pertahanan (MINDEF)

- (i) YB. Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein, Menteri Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jeneral Tan Sri Zulkifeli bin Mohd. Zin, Panglima Angkatan Tentera bersama delegasi telah mengadakan lawatan ke Ukraine, Rusia dan Belanda bertujuan untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin negara-negara tersebut berhubung jaminan keselamatan kumpulan penyiasat antarabangsa memasuki kawasan naas di Donetsk sebelum bermulanya musim sejuk dengan kos sebanyak RM415,716;
- (ii) Kumpulan *Disaster Victim Identification* (DVI) yang diketuai oleh Y.Bhg. Brigadier Jeneral Dato' Dr. Mohd Ilham bin Haron dan delegasi Angkatan Tentera Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan *search and recovery, post-mortem, reconciliation and ID Board* dan *ante-mortem* di Kiev, Ukraine, Donestk and Torrest, dan Hilversum, Netherlands dengan kos sebanyak RM123,882.78;
- (iii) Kumpulan Persediaan Jenazah yang diketuai oleh Mejar Nadzri bin Munsman dan delegasi di Kiev, Ukraine dan The Hague dengan kos sebanyak RM81,206.80;
- (iv) Kumpulan Keselamatan yang diketuai oleh Mejar Muhammad Mustafa bin Omar dan delegasi Tentera Udara DiRaja

Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan perlindungan keselamatan kepada delegasi Malaysia di Kiev, Ukraine dengan kos sebanyak RM32,410.46; dan

- (v) Pegawai Perhubungan yang terdiri daripada *Military Liason Officer* dan pegawai bertugas siasatan khas di Kiev, Kramatorsk, Ukraine dan The Hague, Belanda dengan kos sebanyak RM628,100.81.

(3) Kementerian Dalam Negeri (KDN)

YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri dan Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara dan delegasi telah mengadakan lawatan ke Ukraine bertujuan untuk tugas-tugas penyiasatan dan mengumpul bahan bukti berhubung tragedi MH17 dengan kos sebanyak RM3,417,774.41.

(4) Kementerian Kesihatan (KKM)

- (i) YB. Datuk Seri S. Subramaniam, Menteri Kesihatan bersama delegasi telah mengadakan lawatan ke Belanda pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2014 bersama YAB Perdana Menteri berhubung pakar-pakar DVI (*Disaster Victim Identification*) yang dihantar ke sana bagi membantu pihak berkuasa Belanda mengenal pasti mangsa tragedi MH17. Kos lawatan ini adalah sebanyak RM156,000; dan
- (ii) Seramai 12 pegawai *Disaster Victim Identification* (DVI), KKM telah dihantar ke Ukraine pada 22 Julai 2014 untuk

menjalankan tugas dalam mengenalpasti mangsa-mangsa tragedi MH17 dengan kos sebanyak RM125,233.61.

(5) Jabatan Perdana Menteri (JPM)

YB. Datuk Ir Dr. Wee Ka Siong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan delegasi telah mengadakan lawatan ke Hague, Belanda pada 16 hingga 22 Ogos 2014 bertujuan untuk pengurusan tatacara pengebumian bagi jenazah bukan Islam tragedi MH17 dengan kos sebanyak RM200,000.

(6) Jabatan Peguam Negara

- (i) Y.Bhg. Tan Sri Abdul Gani Patail, Peguam Negara dan Encik Manoj Kurup, Ketua Bahagian Rayuan dan Perbicaraan menghadiri Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga *Eurojust Coordination Meeting* di The Hague, Netherlands pada 28 Julai, 19 Ogos dan 4 Disember 2014 dengan kos sebanyak RM65,525.35;
- (ii) Y.Bhg. Tan Sri Abdul Gani Patail, Peguam Negara telah menghadiri Mesyuarat Peguam Negara/Pendakwa Raya Malaysia di Netherlands dan Ukraine pada 23 September 2014 dengan kos sebanyak RM26,689.25; dan
- (iii) Encik Manoj Kurup, Ketua Bahagian Rayuan dan Perbicaraan telah menghadiri Mesyuarat Pegawai Penyiasat di Woerden, Netherlands pada 19 hingga 23 November 2014 dengan kos sebanyak RM30,937.25.

(7) Jabatan Penerbangan Awam (DCA)

Y.Bhg. Dato' Azharuddin Abdul Rahman, Ketua Pengarah DCA dan delegasi telah menghadiri lawatan serta mesyuarat-mesyuarat berhubung MH17 ke Kiev, Ukraine, The Hague, Netherlands dan Montreal, Kanada dengan kos sebanyak RM326,557.19.

(8) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

Wakil JPNIN telah menghadiri lawatan berhubung MH17 di Amsterdam dengan kos sebanyak RM5,974.75.

(9) Jabatan Penerangan/RTM/Bernama

Wakil Jabatan Penerangan/RTM/Bernama telah menghadiri lawatan berhubung MH17 di Kiev dan Amsterdam dengan kos sebanyak RM45,710.46.